

Sinar Harian - 2/12/13

Ibu hamil sembilan bulan penuntut terbaik Unisza

KUALA TERENGGANU - Bergelar seorang ibu dan seorang isteri bukan halangan bagi Fazidatulaida Mat Yazid, 25, melanjutkan pelajaran hingga peringkat lebih tinggi bagi mengejar cita-citanya menjadi seorang pengamal undang-undang suatu hari nanti.

Malah dengan status tersebut juga bukan halangan untuknya bergelar penuntut terbaik Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) kali ke-5 di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI), di sini, kelmarin.

Walaupun sarat mengandung sembilan bulan anak kedua, Fazidatulaida masih bersemangat hadir untuk menerima ijazahnya yang disampaikan Pro Canselor, Tan Sri Dr Yusof Md Noor pada sidang pertama konvokesyen.



Menurutnya, selepas sahaja menamatkan diploma, dia terus menyambung pengajian ke program ijazah.

Katanya, dia bertuah kerana mendapat sokongan keluarga dan juga suaminya, Mohd Haris Nasution, 26, seorang peniaga.

"Bohonglah jika saya katakan tiada masalah dihadapi sepanjang kehamilan sebab semua bakal ibu mengalami 'morning sickness' termasuk diri saya. Bagaimanapun saya tetap gagahkan diri hadiri kelas.

"Sebab ia bukan alasan untuk diberikan keistimewaan dan paling penting perlu fokus semasa belajar," katanya yang berasal dari Bukit Payong yang memperoleh purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.71.

Anak sulung dari tiga beradik itu berkata, dia berkahwin semasa berada di tahun kedua pengajian dan baginya perkahwinan pada usia muda dianggap sebagai jodoh sudah sampai.

Malah Fazidatulaida berjaya menngotakan janjinya kepada keluarga kerana meskipun bergelar isteri dan ibu, dia masih mampu membawa pulang segulung ijazah.

Fazidatulaida merupakan antara 1,444 graduan yang menerima ijazah dan diploma dalam Istiadat Konvokesyen Ke-5 Unisza yang berlangsung, kelmarin.

Fazidatulaida memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang berjaya diperoleh hasil usahanya.